

Ahli perlu taat arahan

UM 24 JUN 2001

KUALA LUMPUR 23 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu seluruh ahli UMNO supaya taat serta patuh kepada arahan Presiden parti bagi memenangi pilihan raya umum 2004.

Sehubungan itu Presiden UMNO berkata, amat penting bagi semua ahli UMNO mempunyai disiplin diri untuk kepentingan dan kekuatan parti dalam menghadapi apa sahaja cabaran.

Jelas beliau, disiplin parti juga termasuk tidak sabotaj terhadap mana-mana calon yang dipilih oleh Presiden parti untuk bertanding pada pilihan raya.

“Kalau kita nak tentukan parti kita menang, janganlah sayang Presiden sahaja. Taatilah arahan Presiden.

“Presiden tidak ada kepentingan melainkan untuk memberi kemenangan kepada parti.

“Saya ingin beritahu, orang yang saya pilih jadi calon itu tak bagi satu sen pun kepada saya. Bukan itu

saja, sesetengah tu dulu menentang saya, pun boleh (jadi calon semula).

“Yang penting calon yang dipilih itu adalah orang UMNO, berjiwa UMNO dan berjuang untuk kepentingan UMNO,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menggulung perbincangan pada hari terakhir Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Berikrar

Pada penggulangan itu juga, beliau meminta lebih 2,000 perwakilan UMNO sama-sama berikrar supaya tidak lagi membangkitkan soal sama ada seseorang calon yang dipilih itu sesuai atau tidak.

Permintaan Dr. Mahathir itu mendapat tepukan gemuruh dan pada masa yang sama Dr. Mahathir terus bertanya adakah tepukan itu sebagai betul-betul menunjukkan sokongan para perwakilan.

Malah beliau kemudian meminta semua perwakilan bangun jika mereka komited dan sebagai ikrar untuk taat kepada Presiden dan parti.

Para perwakilan yang hadir lantas berdiri sambil memberikan tepukan gemuruh - tanda sokongan padu serta taat kepada arah Presiden UMNO itu.

“Kalau ada semangat begini, tahun 2004 kita sapu bersih dan kita tawan balik Terengganu dan Kelantan,” katanya sebagai reaksi kepada tepukan para perwakilan berkenaan.

Menjelaskan lebih lanjut, Dr. Mahathir berkata, sebagai Presiden parti, beliau membuat pilihan terhadap seseorang calon kerana ada orang mengatakan calon tersebut berkebolehan dan yakin boleh menang.

Namun begitu katanya, ada orang yang tidak setuju dan mensabotaj calon berkenaan dengan bertindak menarik sokongan pengikutnya hingga menyebabkan calon dipilih kalah dalam pilihan raya.

Presiden

“Sebenarnya kekalahan itu bukannya disebabkan parti lawan kuat tetapi ora-

ng kita sendiri sabotaj,” katanya.

Di samping itu kata Dr.

Mahathir, ahli-ahli UMNO juga diminta memberikan sokongan kepada calon-

calon Cina dan India daripada parti komponen Barisan Nasional (BN).